

# BULETIN EKSA

Bilangan 2/2015

Edisi Mei-Ogos

Hospital Sultan Haji Ahmad Shah



## Kalam Editor



Assalamualaikum dan salam sejahtera buat semua warga kerja HoSHAS. Buletin EKSA kembali lagi dengan fokus kepada aktiviti EKSA yang telah dijalankan sepanjang bulan Mei sehingga bulan Ogos 2015.

Jawatankuasa Latihan EKSA masih lagi meneruskan pelbagai aktiviti dalam memberi kefahaman terhadap EKSA. Antara aktiviti yang dijalankan adalah Taklimat EKSA kepada Pegawai Perubatan Siswazah, kakitangan baru serta latihan di lapangan bersama zon yang terpilih.

Audit EKSA Bil 2/2015 telah dijalankan pada bulan Jun 2015. Audit ini dijalankan bagi memantapkan lagi persiapan HoSHAS dalam menghadapi audit EKSA oleh MAMPU kelak. Audit kali ini menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan di mana kesemua zon telah berjaya mendapat markah melebihi 80 dengan *star rating* 3 dan ke atas.

Jawatankuasa Promosi telah mempergiatkan lagi aktiviti promosi melalui penganjuran 3 pertandingan EKSA iaitu Kuiz EKSA, Pertandingan Sudut EKSA Paling Kreatif serta Pertandingan Subzone EKSA Terbersih. Kesemua aktiviti ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari semua warga kerja HoSHAS.

Audit EKSA oleh MAMPU dijadualkan akan diadakan pada 17 hingga 20 November 2015 akan datang. Saya percaya dan yakin semua wargakerja HoSHAS akan berusaha dengan lebih gigih dan berganding bahu dalam menghadapi audit ini. Ayuh warga HoSHAS kita buktikan bersama-sama sijil EKSA akan berada dalam gengaman kita semua!!

Audit EKSA kini menjelma  
Bulan November penentu segala  
Ayuh lipat gandakan usaha  
Sijil EKSA dalam gengaman kita

Sekian terima kasih

::Noorulhuda binti Senawi::

### Penaung:

Dato' Dr Haji Bahari bin Dato' Tok Muda Haji Awang Ngah

### Penyelaras:

Pn Che Ton bt Saari

### Ketua Editor:

Noorulhuda binti Senawi

### Editor:

Asmida Fauzi  
Bukhari Ismail  
Radziah Yaacob  
Rohaida Kamsiah  
Haryanti Nazirah  
Nornazila Abd Sani  
Maimon Abd Wahab  
Karrie Wong Kar Mun  
Fatimah Noor Najihah  
Siti Rabiatul Adawiyah  
Luqman Chong Abdullah

M/S	Dalam Edisi Ini:
02	Keputusan audit bil 2
03	Aktiviti AJK Promosi
04	Aktiviti Unit Latihan
05	Lawatan EKSA JPS

# AKTIVITI UNIT AUDIT

Audit EKSA Bil 2/2015 telah dijalankan pada 15-30 Jun 2015. Semua 32 zon telah diaudit oleh 101 orang auditor yang telah dilantik. Jawatankuasa Audit masih mengekalkan sistem *star rating* dalam memberikan markah keseluruhan audit di zon yang terlibat. Jadual di bawah menunjukkan perbandingan *star rating* yang diperolehi oleh zon yang terlibat semasa Focus Audit EKSA Bil 1/2015 serta Audit EKSA Bil 2/2015

## KEPUTUSAN FOKUS AUDIT EKSA BIL 2/2015

MARKAH	BINTANG	AUDIT EKSA BIL 2/2014		FOKUS AUDIT EKSA BIL 1/2015	
		BIL ZON	PERATUS	BIL ZON	PERATUS
>95%	5 BINTANG	0	0	4	13%
85-95%	4 BINTANG	8	40%	19	59%
75-85%	3 BINTANG	12	60%	9	28%
67-75%	2 BINTANG	0	0%	0	0%
55-65%	1 BINTANG	0	0%	0	0%
<55%	TIADA BINTANG	0	0%	0	0%

Audit EKSA EKSA Bil 2/2015 dijalankan bertujuan mempersiapkan HoSHAS dalam menempuh audit EKSA daripada MAMPU. Purata markah keseluruhan bagi audit kali ini adalah 88.49% dan purata bintang yang diperolehi adalah 3.8 . Kesemua zon menunjukkan prestasi yang memberansangkan di mana kesemua zon telah berjaya mendapat markah melebihi 80% iatu 3 bintang dan ke atas. 4 zon telah berjaya mendapat 5 bintang iaitu zon Hemodialisis, Forensik & Kenderaan, Pengimejan dan Diagnostik serta Wad Kenanga 1 & 2.

Sebanyak 37 sticker Good Job telah diberikan kepada zon mengamalkan EKSA yang terbaik serta boleh menjadi contoh kepada zon yang lain. Tiga zon telah berjaya mendapat sticker Good Job terbanyak iaitu 4 sticker , zon tersebut adalah Zon Klinik Pakar, Zon Forensik & Kenderaan serta Zon Farmasi.

# Aktiviti Jawatankuasa Promosi

Jawatankuasa Promosi telah menjalankan pelbagai aktiviti dalam mempromosi EKSA kepada wargakerja HoSHAS. Kuiz EKSA telah dijalankan sebanyak tiga kali sepanjang bulan Jun hingga Ogos 2015. Kuiz ini dijalankan di ruang legar Auditorium HoSHAS sebelum CME dijalankan dimana soalan kuiz diedarkan kepada kakitangan. Kuiz ini berjaya menarik penyertaan seramai 200 penyertaan di mana cenderahati EKSA seperti button badge, rantai kunci serta pen diberikan kepada peserta yang menjawab soalan kuiz dengan tepat.



Selain daripada itu Pertandingan Subzone EKSA terbersih telah dijalankan pada bulan Jun yang lalu, di mana penyertaan terbuka kepada semua zon yang berminat. Pertandingan ini telah dimenangi oleh Zon Forensik dan Kenderaan. Penyampaian hadiah telah disampaikan semasa perhimpunan pagi bulanan HoSHAS pada 3 Ogos 2015 di mana pemenang telah mendapat wang tunai bernilai RM 200, cenderahati EKSA beserta sijil penghargaan. Tahniah!!



Pertandingan Sudut EKSA Paling Kreatif turut diadakan pada bulan Jun 2015. Zon CCU telah berjaya memenangi pertandingan ini. Zon CCU telah berjaya membawa pulang wang tunai bernilai RM 200, piala pusingan, cenderahati EKSA beserta sijil penghargaan. Tahniah kepada warga CCU yang telah berjaya merangkul hadiah ini.



*AK 799979 20197 LA 7974M*

Unit Latihan telah meneruskan lagi sesi taklimat EKSA kepada warga kerja yang baru berkhidmat di HoSHAS dalam rangka memberi pemahaman berkaitan EKSA . Satu sesi taklimat EKSA kepada Pegawai Perubatan Latihan Siswazah telah dijalankan pada 16/6/2015 di mana melibatkan seramai 15 orang peserta. Selain itu taklimat EKSA kepada kakitangan baru turut diadakan pada 25 Ogos 2015 di mana membabitkan 14 orang peserta.

Selain itu latihan lapangan di zon terpilih telah diadakan di zon yang mendapat markah kurang daripada 80 semasa Focus Audit EKSA Bil 1/2015. Sebanyak 4 zon yang terlibat di mana ahli jawatankuasa latihan pergi ke zon yang terlibat membuat perbincangan bersama ketua zon dan setiusaha zon serta memberi pandangan bagaimana untuk menambahbaik EKSA di zon terbabit.

# Lawatan EKSA Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) Temerloh ke HoShas

Satu lawatan EKSA oleh pihak JPS temerloh telah diadakan pada 3 September 2015. Lawatan ini diketuai oleh Encik Mohd Sha'ri b Mohammed bersama 20 kakitangan JPS yang lain. Lawatan ini bertujuan untuk melihat pelaksanaan EKSA di HoSHAS dan menjadikannya sebagai rujukan dan panduan untuk melaksanakan EKSA di jabatan mereka kelak. Kehadiran mereka disambut oleh Pn Jezlily, mewakili Pengarah HoSHAS, Pengerusi EKSA, JK induk EKSA serta JK Lawatan EKSA.

Aturcara lawatan bermula dengan taklimat berkenaan HoSHAS, pelaksanaan EKSA di HoSHAS, seterusnya Lawatan ke Jabatan Patologi, Jabatan Kebajikan Sosial Perubatan, Unit Hemodialisis, Unit Forensik serta wad CCU. Diharap lawatan ini dapat memberi manfaat yang berguna kepada peserta lawatan.



Taklimat EKSA oleh Sekretariat



Bergambar kenangan



Cenderamata dari JPS kpd Pengerusi EKSA



Lawatan ke Zon Forensik & Kenderaan



Lawatan ke Zon Patologi



Lawatan ke Zon Kebajikan Sosial Perubatan



Lawatan ke Zon CCU



Lawatan ke Zon Hemodialisis

# Aktiviti akan datang

1. Pertandingan Rekacipta Banner & Bunting EKSA
2. Pertandingan Subzone Paling Kreatif
3. Kuiz EKSA semasa slot CME hospital
4. Pelancaran Lagu Korporat EKSA semasa Audit EKSA
5. Audit EKSA oleh MAMPU pada 17-20 November 2015.

AUDIT EKSA..  
SUDAHKAH ANDA BERSEEDIA??

